

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2021/2022

Februari/Mac 2022

HSM210 – Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Terangkan kepentingan lokasi yang strategik dalam menyumbang kepada kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan terkenal sehingga awal abad ke-16.

[100 markah]

2. Tunjukkan bagaimana dasar imperialisme British di Tanah Melayu telah mempengaruhi perkembangan sosioekonomi.

[100 markah]

3. Analisis bagaimana kecekapan pentadbiran British mendorong pengaliran modal di Tanah Melayu.

[100 markah]

4. Analisis bagaimana dasar ekonomi British menyumbang kepada kemajuan sektor pertanian di Tanah Melayu.

[100 markah]

Bahagian B

5. "If you control water, you control everything"

Berdasarkan pernyataan di atas, analisisikan kepentingan infrastruktur bekalan air kepada sektor ekonomi dan sosial di Tanah Melayu sehingga 1957.

[100 markah]

6. Perubahan pentadbiran tradisional kepada pentadbiran kolonial di Sabah dan Sarawak yang merujuk kepada pentadbiran Brooke dan Syarikat Berpiagam British Utara (SBBU) telah melemahkan hak warisan tanah di setiap negeri yang dinyatakan. Malah ianya menimbulkan ketidaksamaan sosial dan ekonomi dalam kalangan masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak.

Telitikan keadaan-keadaan yang mencetuskan ketidaksamaan sosial dan ekonomi dalam tempoh tersebut.

[100 markah]

7. Analisisikan sumbangan buruh wanita terhadap perkembangan ekonomi di Tanah Melayu sehingga tahun 1957.

[100 markah]

8. "Terdapat perbezaan dalam amalan dasar-dasar British terhadap buruh Melayu, Cina dan India di Tanah Melayu sehingga tahun 1957." Telitikan kebenaran pernyataan ini?

[100 markah]